



UPM Juara Hoki Tujuh Sebelah TNB-KLHA



Barisan pemain pasukan hoki wanita UPM beraksi cemerlang apabila berjaya mengekalkan kejuaraan Kejohanan Hoki Terbuka Kuala Lumpur buat kali kedua.

KUALA LUMPUR, 18 Mac - Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai kejohanan hoki wanita tujuh sebelah TNB/KLHA yang telah berlangsung di Stadium Hoki Kuala Lumpur baru-baru ini.

UPM yang diketuai oleh A Kannagi menewaskan Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP) 3-0 pada peringkat akhir perlawanan dengan menerima RM750 selaku juara sementara SSBP RM500.

Perlawanan yang dianjurkan oleh Persatuan Hoki Kuala Lumpur (KLHA) itu diadakan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan dengan Tenaga Nasional sebagai penaja utama selain penaja sampingan iaitu Lembaga Sukan Wilayah Persekutuan dan syarikat NESTLÉ (M) Berhad.

Pengurus Pasukan Wanita UPM, Wan Zaharuddin Wan Abdullah berkata pasukan UPM telah menunjukkan prestasi cemerlang sebelum ini dengan muncul juara Kejohanan Hoki 6/7 Sebelah Terbuka Kuantan menewaskan pasukan Kilat Ladies 1-0 pada 22 Februari lalu.

"Kejayaan tersebut menyuntik semangat kami untuk menjuarai Kejohanan Hoki TNB/KLHA pula iaitu kejuaraan kedua kami pada tahun ini," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata pasukan UPM kini giat menjalani latihan bagi menghadapi persiapan Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang akan berlangsung pada Mei depan di Universiti Utara Malaysia.

Sementara itu Setiausaha KLHA, V. Rajamanickam berkata kejohanan Hoki TNB/KLHA telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada sekolah-sekolah di kawasan Lembah Klang dan berharap kejohanan tersebut akan menjadi platform sekolah-sekolah untuk menonjolkan bakat pelajar.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.